



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA, 2 APRIL 2023 (10 RAMADAN), WILAYAH PERSEKUTUAN, KL TPM BERBUKA PUASA BERSAMA 1,500 MASYARAKAT SETEMPAT

Kuala Lumpur, 2 April - Hampir 1,500 orang yang terdiri daripada anak-anak yatim, pelajar pusat tahfiz, asnaf dan masyarakat setempat diraikan dalam satu majlis iftar yang diadakan di **Surau Jumaat Al-Husna, PPR Semarak, Kuala Lumpur** hari ini.

Majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi **menjadi lokasi kesembilan daripada 13 negeri Majlis Santunan Kasih Ramadan** anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang telah bermula pada 24 Mac 2023 bersamaan 2 Ramadan 1444H dengan lokasi pertama di Masjid Batu 8, Gombak Selangor.

Pada majlis itu juga, **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** turut menyampaikan replika cek Bantuan Program Dan Aktiviti & Kos Operasi kepada Maahad Tahfiz Dhiya'ul Ialah berjumlah RM110,000.00.

Menambah berkat di bulan mulia ini, **MAIWP menyerahkan replika cek sumbangan bernilai RM10,000.00 kepada Surau Al-Husna** serta sumbangan tunai kepada 100 orang asnaf dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 10,000.00.

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Wilayah Persekutuan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) pula menyampaikan sumbangan kepada 30 orang golongan miskin tegar di PPR Sri Semarak & PPR Sg. Bonus. RISDA turut menyumbangkan kain pelekat dan kain batik kepada 143 penerima.

Bagi membantu menjana pendapatan penduduk setempat pada musim perayaan ini, KKDW turut menyerahkan **bantuan kit peralatan dan kursus 'Quick Win' KEMAS kepada 30 peserta dalam bidang jahitan, masakan dan dandanan diri dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM 110,000.00.** Penerima bantuan ini terdiri belia, beliawanis, suri rumah dan ibu tunggal yang tergolong dalam kategori B40 luar bandar.

Bantuan Quick Win KEMAS ini antara inisiatif kerajaan Malaysia Madani dalam memastikan golongan B40 dapat menjana pendapatan sendiri selain dapat menggunakan bantuan yang diterima bagi meneruskan perniagaan yang dilaksanakan dalam skala kecil sekaligus dapat menyediakan peluang pekerjaan buat masyarakat sekitar.

Majlis Santunan Kasih KKDW berikutnya di Kedah/Perlis, Negeri Sembilan, Sabah, Kelantan dan berakhir di Sarawak.

Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

1 APRIL 2023